

Sime Darby Property Rekod Jualan Sebanyak RM1.3 bilion Pada Separuh Pertama TK2021

- Syarikat mencatat pendapatan sebanyak RM1.1 bilion dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM152.3 juta dalam Separuh Pertama tahun kewangan 2021 (“TK2021”);
- Rekod jualan sebanyak RM680.3 juta pada suku kedua TK2021;
- Pelan pelancaran strategik bernilai RM2.1 bilion dalam separuh kedua TK2021 menjadi landasan bagi mencapai sasaran jualan RM2.4 bilion bagi TK2021.

ARA DAMANSARA, 26 OGOS 2021 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan rekod jualan sebanyak RM1.3 bilion untuk enam bulan berakhir 30 Jun 2021 (“H1 TK2021”), menandakan peningkatan sebanyak 83.9% berbanding jualan sebanyak RM712.5 juta yang dicapai dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Pada H1 TK2021, Sime Darby Property mencatatkan peningkatan pendapatan dan PBT sebanyak 42.8% dan 227.4% kepada RM1.1 bilion dan RM152.3 juta masing-masing berbanding H1 TK2020. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) berjumlah RM80.5 juta yang direkodkan merupakan peningkatan yang kukuh berbanding kerugian pada H1 TK2020 sebanyak RM90.3 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata Syarikat akan mengambil langkah berjaga-jaga dalam separuh kedua TK2021 untuk mengekalkan momentum pertumbuhan yang positif sepanjang tahun kewangan ini. Usaha akan ditumpukan kepada pengukuhan operasi dan kedudukan kewangan bagi memastikan ketahanan Syarikat.

“Kami sedang mempercepatkan kepelbagaian pendapatan Syarikat melalui segmen produk lot dan tanah perindustrian yang kini merangkumi sebanyak 17.8% daripada portfolio jualan Sime Darby Property. Ini digandingkan pula dengan fokus Syarikat dalam melancarkan projek-projek di lokasi yang strategik pada titik harga yang tepat, penciptaan nilai baharu melalui pengurusan bank tanah (*land bank*) dan pengurusan kos yang bewaspada bagi baki tahun kewangan ini,” kata Dato’ Azmir.

Prestasi H1 TK2021 dari Tahun-ke-Tahun Mengikuti Segmen

Segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*) menyumbang sebanyak 93.4% kepada jumlah pendapatan Syarikat pada separuh pertama tahun ini. Segmen ini mencapai pendapatan sebanyak RM1.1 billion, menandakan peningkatan sebanyak 55% berbanding RM703.5 juta yang direkodkan pada tahun sebelumnya dan juga peningkatan PBT sebanyak 265.5% kepada RM177.3

juta berbanding kerugian pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM107.1 juta. Peningkatan ini adalah hasil pertambahan jualan baharu dan aktiviti pembangunan di perbandaran Sime Darby Property, khususnya di City of Elmina, Elmina Business Park, The Glades, Bukit Jelutong dan Serenia City di Selangor; KLGCC Resort di Kuala Lumpur; serta Bandar Ainsdale dan Nilai Impian di Negeri Sembilan, dan juga penjualan stok siap dibina yang lebih tinggi di KL East dan Melawati. Syarikat-syarikat usaha sama dan sekutu di bawah segmen Pembangunan Hartanah juga merekodkan kerugian yang lebih rendah sebanyak RM6.2 juta berbanding kerugian sebanyak RM19.0 juta pada tempoh sama tahun sebelumnya, dipacu oleh PJ Midtown sebagai penyumbang utama dan juga kos pemasaran yang lebih rendah bagi Battersea Power Station di United Kingdom.

Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management*) mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 34.5% tahun-ke-tahun kepada RM48.7 juta berbanding RM36.2 juta tahun sebelumnya, serta peningkatan PBT sebanyak 265.5% kepada RM12.4 juta. Segmen *Leisure* mencatatkan pendapatan dan kerugian selepas cukai ("LBT") masing-masing sebanyak RM28.9 juta dan RM6.3 juta. Kedua-dua segmen tersebut telah terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") yang berterusan serta pelaksanaan *lockdown* pada 1 Jun 2021.

Prestasi Suku Kedua TK2021 ("Q2 TK2021") berbanding Suku Kedua TK2020 ("Q2 TK2020")

Sime Darby Property mencapai jualan sebanyak RM680.3 juta pada Q2 TK2021 yang secara langsung menyumbang kepada peningkatan pendapatan kepada RM502.8 juta daripada RM288.2 juta yang direkodkan pada Q2 TK2020. Peningkatan ini dipacu oleh segmen Pembangunan Hartanah diikuti dengan pendapatan daripada Pelaburan & Pengurusan Aset serta *Leisure*. Selain itu, PBT juga meningkat sebanyak 150.3% tahun-ke-tahun kepada RM57.3 juta berbanding LBT yang direkodkan dalam tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM113.8 juta dalam suku yang terkesan dengan tanggungan rosot nilai dan peruntukan.

Prestasi Q2 TK2021 berbanding Q1 TK2021

Berbanding dengan suku sebelumnya, operasi Syarikat di tapak pembinaan dan juga galeri jualan bagi suku ini telah terkesan berikutan pelaksanaan *lockdown* pada 1 Jun 2021. Pendapatan telah merosot sebanyak 14.7% kepada RM502.8 juta berbanding dengan suku sebelumnya dengan catatan PBT sebanyak RM57.3 juta.

Segmen Pembangunan Hartanah merekodkan pendapatan dan PBT sebanyak RM537.7 juta dan RM83.3 juta. Keuntungan yang lebih rendah ini diimbangi dengan sumbangan yang lebih tinggi

daripada Elmina Business Park, Bandar Ainsdale, Nilai Utama, Nilai Impian, The Glades, Lot 15 SJCC dan Serini Melawati. Berbanding dengan suku sebelumnya, segmen Pelaburan & Pengurusan Aset dan *Leisure* masing-masing mencatat pendapatan yang lebih rendah iaitu sebanyak RM24.3 juta dan RM13.6 juta. Peningkatan prestasi untuk kedua-dua segmen ini bergantung kepada keberkesanan Pelan Pemulihan Negara yang mana akan membantu aset-aset yang dimiliki Syarikat seperti KL East Mall dan kelab golf terkemuka, TPC Kuala Lumpur kembali beroperasi dengan patuhan ketat kepada syarat prosedur operasi standard (“SOP”).

Pencapaian Kewangan dan Operasi

Kedudukan kewangan Sime Darby Property kekal kukuh dengan baki tunai berjumlah RM698.3 juta setakat 30 Jun 2021. Syarikat juga berjaya menjana aliran tunai dan kendalian yang masing-masing positif sebanyak RM95.0 juta dan RM13.3 juta, serta memastikan nisbah hutang bersih kekal rendah berbanding industri pada kadar 30%.

Pencapaian jualan Syarikat pada Q2 TK2021 telah meningkat sebanyak 7.9% berbanding dengan Q1 TK2021. Produk kediaman bertanah merupakan penyumbang utama kepada pencapaian ini dengan jualan yang merangkumi 61.1% daripada jumlah jualan yang dicapai oleh Syarikat. Antara produk-produk yang menerima sambutan baik ialah kediaman dua tingkat berangkai berstatus pegangan bebas Lyra 2 di Bandar Bukit Raja dan kediaman Elmina Green Four di City of Elmina yang masing-masing meraih kadar pembelian sehingga 97% dan 96%. Kediaman bertingkat tinggi (*high-rise*) pula adalah penyumbang kedua tertinggi Syarikat sebanyak 21.4% daripada jumlah jualan tercapai, diikuti dengan lot dan tanah perindustrian yang menyumbang sebanyak 10.9%. Sambutan luar biasa yang diraih melalui pratonton produk mewah bertingkat tinggi iaitu Jendela Residences pada bulan Mei yang lalu telah mendorong Syarikat untuk melancarkan menara kedua di bawah pembangunan berprestij ini.

Usaha jualan dan pemasaran atas talian telah terbukti berkesan dalam memastikan penglibatan pembeli rumah dan pengiklanan pelancaran yang strategik walaupun dalam waktu pelaksanaan PKP dan *lockdown*. Pengenalan terbaharu Syarikat, iaitu Galeri Jualan Maya (*Virtual Sales Gallery*) menawarkan orang ramai kemudahan akses kepada koleksi produk Sime Darby Property, yang juga dilengkapi dengan perkhidmatan perundingan jualan dalam dan luar talian daripada kakitangan Syarikat sendiri bagi bakal pembeli rumah.

Prospek Bagi TK2021

H2 TK2021 dijangka lebih mencabar bagi Sime Darby Property terutamanya disebabkan cabaran operasi daripada pelaksanaan PKP dan *lockdown* yang berterusan. Walaupun sektor hartanah telah dibenarkan untuk kembali beroperasi pada akhir Julai 2021, proses untuk mengembalikan momentum operasi Syarikat akan mengambil masa memandangkan kerja-kerja perlu dijalankan di bawah SOP yang ketat.

Dato' Azmir berkata, "Sime Darby Property akan berusaha untuk mencapai sasaran jualan RM2.4 bilion, disokong dengan prestasi jualan H1 TK2021 yang kukuh sebanyak RM1.3 bilion. Nilai pembangunan kasar ("GDV") bagi pelan jualan separuh kedua tahun ini adalah RM2.1 bilion. Selain itu, jualan belum dibil berjumlah RM1.8 bilion setakat 30 Jun 2021 menunjukkan potensi Syarikat dalam meningkatkan perolehan masa hadapan."

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan kadar kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek Stesen Janakuasa Battersea di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property

ialah satu-satunya pemaju hartanah di Malaysia yang telah diiktiraf oleh Carbon Disclosure Project untuk inisiatif pengurusan karbon dan inisiatif syarikat dalam melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

Ia merupakan pemaju hartanah Malaysia yang pertama dianugerahkan dengan FIABCI Prix d'Excellence sebanyak dua kali untuk bandar Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020.

Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju hartanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.simedarbyproperty.com

Media Contact: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

For General Enquiries please e-mail group.communications@simedarbyproperty.com